

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 1 6 MAR 2016



Karim (tengah) bersama kakitangan serta soccer kids MBSA bergambar bersama pada Majlis Penyerahan Tiket Piala Sultan Selangor 2016 di Shah Alam, semalam.

(FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH)

Selangor tekad pertahan hatrik

BH
16/3/2016

Shah Alam: Aksi The Red Giants dan Singapura bagi merebut Piala Sultan Selangor untuk edisi ke-15 di Stadium Shah Alam, 7 Mei ini menjanjikan persaingan sengit membabitkan kedua-dua pasukan selepas kejohanan sama pada musim lalu terpaksa dibatalkan akibat jerebu.

Pengerusi Piala Sultan Selangor, Tan Sri Abd Karim Munis, berkata semua pemain kedua-dua pasukan pasti akan bermain bermati-matian untuk merangkul piala berprestij itu.

"Selangor pastinya tidak mahu kalah dan ingin mempertahankan kemenangan hatrik. Pasukan itu juga enggan melepaskan gelaran juara ke

tangan musuh tradisinya itu.

"Begitu juga dengan Singapura. Mereka mahu merampas kembali piala itu, lebih-lebih selepas terpaksa menunggu lebih setahun untuk memastikan impian mereka tercapai kerana edisi tahun lalu dibatalkan akibat jerebu," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Tiket Piala Sultan Selangor kepada kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini, semalam.

Abd Karim berkata, pihaknya menjangkakan tiket perlawanan itu akan habis dijual kerana penyokong kedua-dua pasukan mahu menebus kekecewaan selepas edisi lalu tidak dapat dilangsungkan.

Katanya, tiket akan dijual pada harga serendah RM10 dan penyokong turut berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah.

Perlawanan hebat

"Kita yakin Stadium Shah Alam akan dipenuhi penyokong kedua-dua pasukan pada hari itu kerana mereka tidak mahu melepaskan peluang untuk menyaksikan perlawanan hebat membabitkan pemain veteran Selangor dan Singapura.

"Perlawanan yang membahayakan pemain veteran kedua-dua pasukan itu turut membangkitkan nostalgia ketika zaman kegemilangan penyerang

terbilang Selangor, Datuk Mokhtar Dahari," katanya.

Selain perlawanan membabitkan pemain veteran, penyokong juga berpeluang melihat persembahan artis dan pertunjukan bunga api pada hari terbabit.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan sesi jelajah ke pihak berkuasa tempatan (PBT) lain di negeri ini bagi mengedarkan tiket perlawanan itu.

Perlawanan edisi ke-15 itu sepatutnya dijadualkan di Singapura, namun Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya ia diadakan di Shah Alam. - Oleh Norrasidah Arshad